

## SIARAN AKHBAR

26hb September, 2014.

### Mingguan Wanita Berwajah Baharu Dengan Tagline Kuasa Wanita Disini

Mulai 26hb September, 2014 majalah Mingguan Wanita (MW) terbitan Kumpulan Media Karangkrak akan muncul dengan wajah baharu. Perubahan ini merupakan satu anjakan yang lebih kearah memperkemaskan reka bentuk yang lebih tersusun rapi dan moden sesuai dengan permintaan dan selera pembaca setia MW masa kini. MW masih mengekalkan identiti kandungan bersifat Mingguan Wanita tetapi dipersembahkan dengan reka letak dan fotografi yang lebih rapi dan mod bersih (clean mode).

MW mempunyai pembaca setia dengan jumlah yang besar iaitu sebanyak 130 ribu naskah terjual setiap minggu membuktikan majalah ini menyediakan kandungan yang lebih memperincikan realiti kehidupan wanita masa kini. Antara kandungan yang menjadi tarikan pembaca MW ialah segmen Kemasyarakatan, Keluarga, Kesihatan dan sisipan resipi dengan tema berbeza setiap minggu sebanyak 16 mukasurat.

Tiada penambahan mukasurat tetapi isi kandungan di pertingkatkan dengan informasi lebih terperinci agar dapat memberikan kepuasan pembaca dan pengiklan MW.

MW kini dengan tagline baru **KUASA WANITA DISINI** muncul dengan penampilan yang lebih segar bersesuaian dengan peredaran masa dan kehendak pembaca serta pasaran. Kualiti kertas muka depan juga dipertingkatkan dengan lebih tebal, cantik, reka bentuk baharu, tersusun dan lebih moden.

MW wajah baharu ini bermula keluaran pada 26hb September ini dengan harga baru RM3.50 sahaja senaskah sesuai dan setanding dengan kualiti yang dihidangkan.

Penghias kulit MW edisi terbaru ini dihiasi oleh artis Malaysia yang terkenal iaitu Neelofa. MW memilih beliau sebagai penghias kulit seiring dengan penampilan baharu beliau yang telah berhijrah. Begitu juga dengan MW yang baharu ini yang telah berada dipasaran selama 32 tahun (semenjak tahun 1984) yang memerlukan anjakan perubahan wanita yang sesuai dengan peredaran masa kini.

MW akan terus membekalkan informasi terkini kepada pembaca setianya dengan perlbagai program-program yang akan dilaksanakan selepas ini. Pembaca MW juga boleh mengikuti informasi terkini di Facebook dan Instagram MW.

Sedikit latar belakang Mingguan Wanita:

Dikeluarkan pada tahun 1982 bermula dengan saiz tabloid. Terdapat 180 muka surat dengan 12 tajuk / segmen yang sesuai untuk wanita mengikut peredaran masa.

---

Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

**Kumpulan Media Karang kraf:**  
**Lot 1, Jalan Renggam 15/5,**  
**Off Persiaran Selangor,**  
**Seksyen 15, 40200**  
**Shah Alam**  
**Selangor.**

Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat : Ammelia Binti Mohd. Ali

Telefon : 03-5101 3888  
Fax : 03 5101 3608  
e-mail : [ammelia@karangkraf.com](mailto:ammelia@karangkraf.com)

[www.karangkraf.com](http://www.karangkraf.com)

Ketua Editor MW : Mohd Rashdan bin Mohd Rasid  
[rashdan@karangkraf.com](mailto:rashdan@karangkraf.com)

Editor MW : Rosiati binti Elias  
[rosiati.elias@karangkraf.com](mailto:rosiati.elias@karangkraf.com)